

11 DEC 2001

Mahathir-Misuari

NUR MISUARI AKAN DITAHAN SEBULAN SAHAJA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin Islam Filipina Nur Misuari akan ditahan di negara ini selama sebulan sahaja.

"Tiada sebab kita hendak menahannya di sini. Kita akan menghantarnya balik ke Manila bila-bila masa mereka (kerajaan Filipina) mahu," katanya kepada pemberita ketika ditanya bila Misuari akan dihantar pulang.

Beliau sebelum itu menyampaikan wang tunai RM100 seorang kepada sebahagian golongan fakir miskin pelbagai kaum yang menerima peruntukan khas pertama kali kerajaan pusat kepada golongan miskin, sempena sambutan Hari Raya.

Menjawab soalan sama ada Malaysia akan bebaskan Misuari, Dr Mahathir berkata: "Hakikatnya Misuari tidak melakukan kesalahan di Malaysia kecuali masuk tanpa izin. Kita tahan sebulan sahaja. Lepas itu kita kena bebaskan dia. Tak kan kita nak bebaskan dia sampai dia boleh pergi mana-mana ... dia paper (dokumen) pun tak ada.

"Jadi kita nak hantar balik. Kalau Manila nak, terimalah... Kalau dia tak nak, kita tak boleh simpan di sini. Kalau ada orang nak (Misuari), kita hantarliah."

Ketika ditanya sama ada Malaysia menerima tawaran daripada negara lain yang sedia menerima Misuari, Perdana Menteri berkata tidak ada tanda-tanda tawaran itu wujud.

Ditanya kenapa Manila agak keberatan untuk menerima balik Misuari, beliau menjawab: "Ini saya tak tahu. Itu masalah dialah (Manila)."

Misuari ditangkap di Pulau Jampiras di perairan Sandakan, Sabah kerana memasuki negara ini secara haram pada pagi 24 Nov.

Beliau dikehendaki Filipina kerana didakwa melancarkan pemberontakan terhadap Manila selepas dia dilarang daripada menjadi calon dalam pilihan raya bagi memilih para pemimpin Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM).

-- BERNAMA

NZ DC RON